

## BAB 3

***“STRATEGI AL-MANŞŪR  
DALAM MENGHADAPI  
PEMBERONTAKAN ‘ABD ALLĀH  
B. ‘ALĪ”***

**BAB III**  
**STRATEGI AL-MANŞŪR DALAM MENGHADAPI**  
**PEMBERONTAKAN ‘ABD ALLĀH B. ‘ALĪ**

*3.1 Respons Awal Khalīfah Al-Manşūr*

Keengganan ‘Abd Allāh b. ‘Alī memberikan *bay’ah*nya kepada Khalīfah al-Manşūr dan sebaliknya memberontak bagi menuntut takhta telah mencetuskan satu konflik parah. Al-Manşūr sememangnya telah dapat menghidu perasaan cemburu dan ego bapa saudaranya ini. Hal ini telah disuarakannya kepada Abū Muslim selepas beliau menerima berita perlantikannya sebagai Khalīfah ekoran kemangkatan Khalīfah Abū al-‘Abbās.<sup>1</sup>

Sekalipun beliau telah menjangkakan senario yang akan berlaku ini, namun perkembangan yang berlaku di Syām itu dihadapi oleh al-Manşūr dengan penuh cermat dan berhati-hati. Beliau memahami bahawa pemberontakan ini adalah yang pertama kali berlaku dalam sejarah pembentukan *daulah* ‘Abbāsiyyah yang baru berusia lima tahun. Pemberontakan yang dipimpin oleh seorang ahli keluarga ‘*Abbāsīyyīn* ini juga membawa erti bahawa keretakan pertama dalam keluarga Diraja telah berlaku. Justeru itu atas sifatnya sebagai pemerintah kaum muslimin yang bertanggungjawab dalam semua urusan, agama dan dunia, maka beliau berpendapat untuk tidak berdiam diri.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Al-Khuḍarī (1970), op. cit., j. 3, h. 53-54.

<sup>2</sup> Al-Sayyid Ibrāhīm Ḥammūr (1966), op. cit., h. 59.

pemerintahnya iaitu Muqātil al-‘Akkī (Gabenor Abū al-‘Abbās dan kemudian dilantik pula oleh al-Mansūr), enggan menyahut seruan *bay‘ah* kepada ‘Abd Allāh. Bagaimanapun ‘Abd Allāh berjaya menundukkannya secara damai. Muqātil al-‘Akkī kemudiannya dipergunakan oleh ‘Abd Allāh untuk memerangi ‘Uthmān b. Surāqah<sup>6</sup> di Raqqah<sup>7</sup> yang tidak menerima dakwaan ‘Abd Allāh dan dalam masa yang sama menolak perlantikan Abū Ja‘far al-Mansūr. Muqātil bagaimanapun terbunuh dalam pertempuran di Raqqah dan dua orang anaknya ditawan dan kemudiannya dibunuh.<sup>8</sup>

Kejayaan ‘Abd Allāh mempengaruhi barisan tentera dan menguasai semua kawasan di Ḥalab, Qinnasrīn, Diyār Rabī‘ah,<sup>9</sup> Diyār Muḍar<sup>10</sup> dan seluruh Syām<sup>11</sup> termasuk Harrān mengakibatkan suasana menjadi lebih tegang dan konflik kian parah. Hubungan antara Syām dan ‘Iraq menjadi tegang ekoran krisis ini. Hal ini lantas mengingatkan kita kepada konflik yang berlaku di antara al-Imām ‘Ali b. Abū Ṭālib dengan saingannya Mu‘awiyah b. Abū Sufyān pada tahun 35 H.655 M. Sesuatu perlu dilakukan oleh al-Mansūr yang terkenal dengan sifat berani, punyai keazaman yang tinggi, bijak mengatur strategi, tegas dan betul dalam kata-kata dan

<sup>6</sup> Menurut riwayat al-Ya‘qūbī, Gabenor Ḥarrān ketika itu bernama Mūsā b. Ka‘ab. Setelah beliau enggan memberi *bay‘ah* kepada ‘Abd Allāh, beliau dikepung selama empat puluh hari. ‘Abd Allāh bagaimanapun menamatkan pengepungan itu setelah Mūsā bersetuju meletak senjata dan meninggalkan Ḥarrān. Lihat al-Ya‘qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 36.

<sup>7</sup> *Raqqah*: Sebuah Bandar di tebing sungai Furāt, terletak di pertengahan Diyār Rabī‘ah. Sekarang dikenali sebagai Markaz Muhāfazah al-Raqqah di Syria. Lihat al-Fayrūzabādī (1977), op. cit., j. 3, h. 239; al-Yasū‘ī (1988), op. cit., h. 224, 239.

<sup>8</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 123; Ibn Hazm (1948), op. cit., h. 363; Al-Azdī (1967), op. cit., j. 2, h. 164; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188; Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 62.

<sup>9</sup> *Diyār Rabī‘ah*: Iaitu kawasan yang terletak antara Mawṣil dan Ra’s al-Ayn di sebelah Utara *Mā Bayn al-Nahrayn* (Dijlah dan Furāt). Mawṣil adalah kubu pertahanan Diyar Rabī‘ah. Lihat al-Yasū‘ī (1988), op. cit., h. 224, 235, 511.

<sup>10</sup> *Diyār Muḍar*: Sebuah kawasan di Jazīrah Mā Bayn al-Nahrayn yang merangkumi kawasan Sungai Furāt dari Samīsāt ke ‘Anah. Raqqah adalah kubu pertahanan Diyār Muḍar. Lihat Ibid., h. 224, 239.

<sup>11</sup> Ibn Kathīr, op. cit.

tindakannya bagi menyelamatkan negara yang sedang berhadapan dengan ancaman pemberontakan.

*Daulah 'Abbāsiyyah* yang belum terbentuk dalam erti kata yang sebenarnya mungkin hancur jika gerakan pemberontakan dibiarkan tanpa tindakan segera. Al-Manṣūr pernah berkata, “balasan terhadap golongan cerdik pandai melalui sindiran (*ta'riḍ*), sementara hukuman terhadap orang bodoh adalah secara terang-terangan (*taṣrīḥ*)”.<sup>12</sup> Bebanan besar yang terpikul di bahu al-Manṣūr perlu dilaksanakan secara cepat dan berkesan jika beliau mahu kekuasaannya berterusan. Kejayaannya menghadapi pemberontakan sebesar ini pasti akan mengharumkan namanya dalam lipatan sejarah *daulah 'Abbāsiyyah*.

Beliau perlu melipat gandakan perjuangannya lebih dari apa yang telah dicurhkannya semasa pemerintahan Abū al-'Abbās. Jika beliau berjaya, maka kejayaan itu adalah sebahagian dari manifestasi kekuatan beliau dari perspektif yang lebih luas iaitu kekuatan agama, kekuatan pendapat, kekuatan pemikiran, kekuatan akal dalam merancang, kekuatan lisan dalam menarik pengaruh dan menanam keyakinan, kekuatan kuasa dan senjata, kekuatan menanggung bebanan dan memberi kemaafan.. Mu'āwiyah b. Abū Sufyān berkata, “jika seseorang dari keturunan Umayyah tidak bertindak bijak (*muṣliḥ*) dalam mengurus hartanya dan baik (*ḥalīm*) dalam pergaulannya, maka ia tidak berbeza dari orang yang rendah darinya. Begitu juga seseorang dari keturunan *Hāsyim* yang tidak bersifat pemurah, maka ia tidak berbeza berbanding orang lainnya. Kita tidak pernah melupai bahawa

---

<sup>12</sup> Al-Dināwari (1972), op. cit., j. 1, h. 285.

keturunan *Hāsyim* mempunyai kelebihan *lisan* (percakapan yang fasih), pemurah dan berani.<sup>13</sup>

### 3.2 Strategi al-Manṣūr

Beberapa langkah segera diatur oleh al-Manṣūr dalam usahanya bagi menyekat kemaraan pengaruh bapa saudaranya. Antara tindakan terpenting beliau dalam menangani konflik ini ialah:

#### 3.2.1 Penghantaran Surat Amaran

Khalīfah al-Manṣūr mengutus surat dari residensinya di Anbār, 'Irāq kepada bapa saudaranya 'Abd Allāh di Ḥarrān, Syria. Antara yang tertera dalam surat ini ialah sebuah *bayt syi'ir* yang bermaksud.<sup>14</sup> “Aku akan menjadikan diriku sebagaimana engkau menjadikannya pastinya masa mempunyai hari-hari pembalasan yang tertentu”

Secara jelas al-Manṣūr mencatatkan ancaman dan ugutannya terhadap 'Abd Allāh dalam surat ini. Mungkin menurut anggapannya 'Abd Allāh akan memahami sesuatu dari kandungan surat ini dan seterusnya meletakkan senjata. Kebiasaannya surat ancaman sebegini akan meninggalkan kesan di jiwa orang yang diancam walaupun pada tahap yang minima. Namun 'Abd Allāh tidak memberikan apa-apa

---

<sup>13</sup> Al-Ṭabarī (1939), *op. cit.*, j. 6, h. 245.

<sup>14</sup> Al-Dināwari (1972), *op. cit.*, j. 1, h. 285.

respon terhadap surat ini apalagi membalasnya. Beliau nampaknya mengambil sikap membujur lalu melintang patah dalam gerakan pemberontakannya ini.

### 3.2.2 Pelantikan Abū Muslim Sebagai Ketua Operasi

Khalīfah al-Manṣūr agak tegas dalam menghadapi penentangan bapa saudaranya ini. Justeru itulah beliau tidak menggunakan saluran diplomasi atau jalan damai dalam menyelesaikannya. Sebaliknya beliau lebih cenderung untuk menggunakan kekuatan bagi menyekat kebangkitan bapa saudaranya. Untuk melancarkan operasi ini, beliau melantik seorang tokoh yang paling berkaliber serta berpengalaman tinggi khususnya dalam strategi peperangan. Tokoh yang dimaksudkan itu ialah Abū Muslim al-Khurāsānī, *Amīn Āli Muḥammad*. Abū Muslim sewaktu dalam perjalanan mengerjakan haji bersama-sama al-Manṣūr pernah menyuarakan kesanggupannya untuk berhadapan dengan 'Abd Allāh jika beliau memberontak ekoran perlantikan al-Manṣūr sebagai Khalīfah.<sup>15</sup>

Perlantikan Abū Muslim sebagai Panglima Perang mungkin satu helah politik al-Manṣūr untuk melibatkan orang ketiga yang juga musuh dalam selimutnya ke dalam kancah konfliknya dengan 'Abd Allāh. Apa yang pasti ketiga-tiga tokoh ini sememangnya menyimpan dendam sesama mereka.<sup>16</sup> Masing-masing menunggu peluang untuk memukul saingannya. Penglibatan Abū Muslim juga dilihat sebagai usaha al-Manṣūr untuk menambahkan api permusuhan yang sedia

---

<sup>15</sup> Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 186, 187, 189.

<sup>16</sup> Ibn Ḥazm (1948), op. cit., h. 17.

ada di antara Abū Muslim dengan bapa saudaranya, ‘Abd Allāh. Jika Abū Muslim atau ‘Abd Allāh terbunuh dalam konflik bersenjata ini, maka mudahlah bagi al-Manṣūr menghadapi saingannya yang masih tinggal.<sup>17</sup> Kita akan melihat di akhir kajian ini bagaimana kedua-dua saingan al-Manṣūr (iaitu Abū Muslim dan ‘Abd Allāh) menjadi mangsa kepada kelicikan *siasah* beliau.

Riwayat al-Dhahabī<sup>18</sup> dan al-Maqdisī<sup>19</sup> menyebut bahawa Abū Muslim mencadangkan kepada Khalifah al-Manṣūr agar menamatkan pemberontakan ini sesegera mungkin dan tidak boleh diengahkan. Al-Manṣūr yang ternyata begitu gembira dengan cadangan itu lantas berkata kepada Abū Muslim, “tiada orang lain yang boleh menghadapinya kecuali saya atau awak. ‘Abd Allāh hanya layak berhadapan samada dengan saya atau kamu”. Sekalipun sebelum ini Abū Muslim mencadangkan agar pemberontakan itu ditamatkan segera, namun apabila sampai ke peringkat pelaksanaan beliau kelihatan gelisah apabila ditawarkan oleh Khalifah sebagai Ketua Operasi. Beliau menolak tawaran Khalifah al-Manṣūr dengan berkata, “wahai *Amīr al-Mu’minīn*, sesungguhnya isu ‘Abd Allāh di Syam adalah kecil dan mudah, tetapi isu yang berlaku di Khurāsān lebih besar dan utama”.<sup>20</sup>

Khalifah al-Manṣūr membisu seribu bahasa lantaran mendengar jawapan Abū Muslim tersebut. Beliau tentunya sedar dan faham bahawa Abū Muslim mungkin cuba mengelak diri dari terlibat dalam sengketa ini kerana faktor-faktor

---

<sup>17</sup> Ibrāhīm ‘Alī Sya’waṭ (1966), op. cit., h. 21 ; Muḥammad As’ad Ṭālis (1974), *‘Aṣr al-‘Izdihār*, Meṣr: Maktabah al-Nahḍah, Kaherah., h. 48.

<sup>18</sup> Al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 93.

<sup>19</sup> Al-Maqdisī (1899) op. cit., j. 6, h. 77.

<sup>20</sup> Al-Ya’qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 356.

tertentu. Antara faktor yang jelas dalam jawapan beliau tadi ialah keinginannya untuk segera kembali ke Khurāsān atas alasan terdapat isu besar yang perlu diselesaikan. Mungkin juga Abū Muslim sedar akan kekuatan ketenteraan yang ada di pihak ‘Abd Allāh; atau mungkin juga beliau mempunyai agenda tersendiri di saat berlaku ketegangan ini bagi mencapai cita-cita politiknya.

Namun Khalīfah al-Manṣūr yang tersentak dengan kata-kata Abū Muslim tadi meneruskan rancangannya bagi menyekat keinaraan ‘Abd Allāh di samping berwaspada dengan perancangan Abū Muslim. Sementara itu Abū Muslim bergegas pulang ke rumahnya dalam keadaan gembira. Beliau berkata kepada setiausahanya:

*"apa kaitan saya dengan (persengketaan) dua lelaki ini ? saya seharusnya pulang ke Khurāsān dan (dengan itu) dapat mengelakkan diri dari dua bebiri tadi. Sesiapa (samada al-Manṣūr atau ‘Abd Allāh) yang menang dalam persengketaan ini dan kemudian mengutus surat kepada kita, maka kita akan membalasnya dengan kata-kata "sami'nā wa aṭa'nā" (kami mendengar dan patuh).<sup>21</sup>*

Kata-kata Abū Muslim ini jelas menampakkan sikapnya yang gembira dengan konflik yang berlaku di antara al-Manṣūr dan bapa saudaranya, ‘Abd Allāh.

Setiausaha Abū Muslim yang kurang senang dengan kata-kata beliau lantas menjawab dengan katanya, "semoga Allāh melindungi kamu, saya bimbang kalau-kalau pengikut kamu di Khurāsān menuduh kamu mencabuli perjanjian (dengan

---

<sup>21</sup> Ibid.



Khalifah untuk menghadapi ‘Abd Allāh’”.<sup>22</sup> Abū Muslim yang kelihatan marah dengan kata-kata Setiausahanya itu lantas mempertahankan pendiriannya dengan berkata, “celaka kamu ! tahukah kamu bahawa ratusan ribu manusia telah menjadi mangsa pedangku. Ramai lagi yang terbunuh dalam peperangan-peperangan yang lain...” Namun Abū Muslim akhirnya mengalah dengan pujuk rayu setiausahanya dan bersetuju menerima tawaran Khalifah al-Manṣūr untuk keluar memerangi ‘Abd Allāh’.<sup>23</sup> Secara segera, Abū Muslim yang menerima mandat operasi ini mula mempersiapkan kelengkapan perang yang diperlukan untuk menuju ke Syām.

### 3.2.3 Pembentukan Angkatan Bersenjata

Jalan kekerasan adalah satu-satunya cara yang menjadi pilihan al-Manṣūr untuk menamatkan penderhakaan ‘Abd Allāh, bapa saudaranya. Operasi ini bakal dipimpin oleh seorang tokoh pejuang yang ulung iaitu Abū Muslim. Bagi memastikan kejayaan dan keberhasilan operasi, Khalifah al-Manṣūr mula membentuk satu pasukan pejuang yang besar. Ahli sejarah menyebut bahawa al-Manṣūr amat ghairah dalam membuat persiapan ini. Al-Ṭabarī berkata, “sesungguhnya ia adalah satu ketumbukan tentera yang besar; disertai oleh ramai pejuang; dilengkapi dengan kelengkapan persenjataan yang cukup; dibekalkan dengan makanan yang banyak dan kelengkapan-kelengkapan lain yang diperlukan ; dan disertai oleh semua panglima besar angkatan tentera”.<sup>24</sup>

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 357.

<sup>23</sup> *Ibid.* : Ibn al-Athār (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188.

<sup>24</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 123.

Laporan al-Ṭabarī ini membayangkan betapa al-Manṣūr bertungkus lumus dalam membuat persediaan ini lantaran beliau memahami tahap kekuatan yang dimiliki bapa saudaranya di Syām. ‘Abd Allāh adalah seorang pejuang ‘Abbāsiyyah yang terhandal, perkasa berani dan bengis. Sejarah gerakan dan kebangkitan *Daulah ‘Abbāsiyyah* menyaksikan kegagahan dan kehebatannya. Beliau adalah benteng pertahanan *daulah* di zaman Abū al-‘Abbās, Khalīfah pertama; pemusnah kekuatan Marwān II; penguasa di kawasan Syām ; Pemerintah Tertinggi tentera *Ṣū‘īyah* dan *Syā‘īyah* ; serta menguasai sejumlah besar tentera dari Syām, Jazīrah, Mawṣil, Khurāsān dan lain-lain. Di samping itu beliau juga menguasai sepenuhnya kekayaan Syām dan kelengkapan ketenteraannya. Justeru itu sebelum terlambat al-Manṣūr perlu membuat perkiraan yang tepat dalam mempersiapkan barisan pejuangnya. Apalagi konflik bersenjata ini adalah yang pertama kali berlaku di awal pemerintahannya.

Al-Manṣūr agak bertuah kerana terdapat beberapa kumpulan tentera seperti yang dipimpin oleh Ḥamīd b. Quṭṭabah yang membelot terhadap ‘Abd Allāh al-Saffāh. Mereka ini kemudiannya diserapkan ke dalam tentera induk yang dipimpin oleh Abū Muslim sewaktu beliau sampai di Mawṣil dalam perjalanan ke Syām. Pertambahan unit-unit tentera ini memberikan kelebihan kepada Abū Muslim yang akhirnya berjaya menundukkan ‘Abd Allāh dan tentera-tenteranya.<sup>25</sup>

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, j. 6, h. 124 ; *Al-Ya‘qūbī* (t.t.), j. 2, h. 439 ; *Ibn al-Athīr* (t.t.), *loc. cit.*

### 3.2.4 Penghantaran Tentera Bantuan Dari Armenia

Di samping mengerah tenaga pejuang-pejuang yang sedia ada di Anbār, al-Manşūr juga mengutus surat kepada al-Ḥasan b. Quḥṭabah, Gabenor beliau di Armenia supaya menghantar tentera bantuan ke Mawşil untuk membantu Abū Muslim. Al-Ḥasan menyahut arahan Khalīfah al-Manşūr dan dengan segera menghantar pasukan tentera bantuan ke Mawşil untuk menyertai pasukan Abū Muslim.<sup>26</sup>

### 3.2.5 Penghantaran Agen Perisikan ke Syām

Bagi melancarkan operasi tentera, Khalīfah al-Manşūr mengutuskan Abū ‘Umārah Muḥammad Ibn Şawl sebagai perisiknya ke Syām. Beliau yang diutuskan ke Syām kemudiannya, bertanggungjawab menyelinap masuk ke dalam barisan pertahanan ‘Abd Allāh dan melaporkan kekuatan mereka kepada al-Manşūr di Anbār. Bagaimanapun usaha ini tidak berjaya kerana Ibn Şawl terlebih dahulu dibunuh oleh ‘Abd Allāh yang sedar akan strategi al-Manşūr.<sup>27</sup>

Sewaktu bertemu dengan ‘Abd Allāh, Ibn Şawl berkata, “aku mendengar Khalīfah Abū al-‘Abbās berkata bahawa Khalīfah selepasku adalah bapa saudaraku ‘Abd Allāh”. ‘Abd Allāh yang menyedari taktik musuhnya terus menyergah Ibn Şawl dengan katanya, “awak penipu, Abū Ja‘far yang menghantar kamu sebagai

---

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> *Ibid.*

perisiknya". Beliau lantas memenggal leher Ibn Šawl dan mula menggerakkan tenteranya ke Naššībayn untuk mencabar Abū Muslim.<sup>28</sup>

### 3.3 *Siasah al-Manšūr Dalam Pelantikan Abū Muslim*

Kepelbagaian langkah yang diambil oleh al-Manšūr dalam menghadapi bapa saudaranya ini sudah cukup untuk membuktikan tahap kekuatan yang ada di pihak beliau (‘Abd Allāh) di Syām.<sup>29</sup> Ia sekaligus membayangkan ketelitian al-Manšūr dan juga kebimbangannya yang mendalam terhadap pemberontakan ini.

Pelantikan Abū Muslim sebagai ketua operasi bagi menggempur kekuatan ‘Abd Allāh dilihat sebagai salah satu strategi terpenting yang diambil oleh al-Manšūr. Siapakah sebenarnya Abū Muslim ini? sejauh manakah kekuatan dan pengaruhnya? Apakah sumbangannya dalam kerajaan Banī ‘Abbās ini? Dan kenapakah al-Manšūr memilihnya sebagai ketua dalam operasi ketenteraannya ke atas ‘Abd Allāh?

#### 3.3.1 *Biodata Abū Muslim al-Khurāsānī.*

Beliau bernama Abū Muslim ‘Abd al-Raḥmān b. Muslim al-Khurāsānī. *Kunya*nya Abū Muslim, bererti bapa kepada seorang *muslim*. Namanya yang sebenar ialah ‘Abd al-Raḥmān, iaitu orang yang menyembah Allāh yang maha

---

<sup>28</sup> *Ibid.*, j. 5, h. 188; Ibn Khallikān (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 94.

<sup>29</sup> John Bagut Glub (1966), *op. cit.*, h. 441.

Penyayang. Nama bapa Abū Muslim juga adalah Muslim. Dengan lain perkataan nama itu memperkenalkan seorang Muslim, iaitu anak kepada seorang muslim dan bapa kepada seorang muslim.<sup>30</sup>

*Nisbahnya* pula adalah sangat bererti iaitu beliau menghubungkan dirinya dengan Khurāsān (*al-Khurāsānī*) dan bukannya dengan kabilah atau suku kaum samada sebagai anggotanya atau sebagai *mawlā* mengikut kebiasaan amalan yang dilakukan pada masa itu. Beliau bukanlah berasal dari Khurāsān, tetapi hanya datang ke sana. Nama yang disandang oleh Abū Muslim adalah merupakan lambang yang terbaik bagi kepentingan pemberontakan ‘Abbāsiyyah yang diketuainya yang menjanjikan hak dan tanggungjawab yang sama (*al-musāwāh*) bagi yang bergelar *muslim* tanpa melihat kepada bangsa dan keturunan.<sup>31</sup>

Laporan-laporan ahli sejarah tentang latarbelakang personaliti penting ini amatlah sedikit. Apabila ditanya secara peribadi tentang asal usulnya, beliau dilihat cuba mengelak dari menjawabnya dan sebaliknya menasihatkan penyوال agar tidak menampuradukkan perkara yang penting dengan yang tidak penting.<sup>32</sup> Barangkali atas asas inilah R.N. Frye menyimpulkan bahawa “asal usul keturunan Abū Muslim tidak dapat ditentukan secara tepat dari sumber-sumber Islam”.<sup>33</sup> Ternyata seolah-

---

<sup>30</sup> M.A. Sha'bān (1983), op. cit., h. 228-229; Ira M. Lapidus (1993), *A History of Islamic Societies*, Cambridge University Press, h. 67; R. Stephen Humphreys (1991), *Islamic History*, Princeton University Press, h. 118.

<sup>31</sup> Humphreys, *ibid.*

<sup>32</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 2, h. 1965; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 279.

<sup>33</sup> R.N. Frye (1947), “The role of Abū Muslim in the ‘Abbasid Rejection”, *Muslim World*, edisi ke 37, h. 28.

menentang dasar pemerintahan Umayyah yang tidak menghiraukan kepentingan-kepentingan mereka. Mereka ini (kaum Arab peneroka) bukan sahaja terhindar dari mendapat faedah sebagai orang-orang Arab, tetapi juga tertakluk di bawah kuasa kaum *dihpans* dan justeru itu mereka ini mendapat layanan yang lebih buruk lagi dari orang tawanan.<sup>38</sup> Dalam situasi inilah Abū Muslim melebarkan pengaruh dan membina kekuatannya.

Justeru itu dalam tempoh tidak sampai dua hari selepas Abū Muslim mengangkat bendera-bendera hitam secara terbuka pada 1 Syawwāl 129 H/15 Jun 747 M di sebuah kampung qabilah Khuzā'ah,<sup>39</sup> beliau telah disertai lebih kurang 2200 orang daripada dua kumpulan *Rub' al-Taqādum*.<sup>40</sup> Menurut versi lain yang dilaporkan oleh al-Ṭabarī, penyokong-penyokong ini datang dari enam puluh buah kampung di sekitar Merv.<sup>41</sup> Tidak sampai satu setengah buaian bilangan tentera Abū Muslim bertambah menjadi 7000 orang, dan mereka ini diarahkan supaya disenaraikan di dalam *dīwān* baru mengikut nama mereka, nama bapa mereka dan nama kampung mereka.<sup>42</sup>

Ini membuktikan bahawa mereka ini telah menjadi orang-orang Khurāsān, tanpa sebarang perbezaan dari segi keturunan, samada Arab atau bukan Arab. Dengan lain perkataan asimilasi sepenuhnya telah tercapai di Khurāsān, tetapi di

<sup>38</sup> M.A. Sha'bān (1983), op. cit., h. 232.

<sup>39</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 2, h. 1952.

<sup>40</sup> Ibid., h. 1954-1955 dan h. 1957; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 273. *Rub' al-Taqādum* atau *Ahl al-Taqādum* bermaksud pendatang-pendatang lama di Merv. Wellhausen membacanya sebagai *Suqādīm* iaitu nama satu tempat tertentu. Lihat Wellhausen, h. 523.

<sup>41</sup> Al-Ṭabarī (1939), loc. cit.

<sup>42</sup> Ibid., j. 2, h. 1969.

olah ada usaha untuk menutup segala lembaran sejarah kehidupan masa lampau beliau dan menonjolkannya dalam imej yang baru.

### 3.3.2 *Kekuatan dan Pengaruh*

Kekuatan dan pengaruh Abū Muslim boleh dilihat kepada pengikut-pengikutnya. Wellhausen<sup>34</sup> dan Bernard Lewis<sup>35</sup> sependapat bahawa para penyokong Abū Muslim adalah terdiri daripada kaum tani Iran, kaum *mawālī* di kampung-kampung Merv dan sebahagian orang Arab Yaman yang berkedudukan tinggi dan penting.

Moscatti pula menyatakan: "pada 1 Syawwāl 129/15 Jun 747 bendera-bendera hitam bagi askar-askar yang memberontak telah diumumkan naik. Akibat daripada perselisihan sesama tentera Umayyah, Abū Muslim telah memperoleh sokongan dari orang-orang Yaman."<sup>36</sup> H.A.R. Gibb berpendapat bahawa minat orang-orang Parsi terhadap Abū Muslim hanya bermula sejak beliau mencapai kejayaan.<sup>37</sup>

M.A. Sha'bān merumuskan bahawa suku kaum Arab peneroka di Merv adalah merupakan penyokong utama Abū Muslim di samping kaum *mawālī* di Khurāsān. Ini kerana mereka adalah sebahagian dari penduduk Merv yang

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, hlm. 29.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Moscati (1954), "Abu Muslim", *Encyclopaedia of Islam*, Leiden, New Edition, h. 234.

<sup>37</sup> H.A.R. Gibb (1923), *The Arab Conquests in Central Asia*, London: Royal Asiatic Society, h. 94.

menentang dasar pemerintahan Umayyah yang tidak menghiraukan kepentingan-kepentingan mereka. Mereka ini (kaum Arab peneroka) bukan sahaja terhindar dari mendapat faedah sebagai orang-orang Arab, tetapi juga tertakluk di bawah kuasa kaum *dihpans* dan justeru itu mereka ini mendapat layanan yang lebih buruk lagi dari orang tawanan.<sup>38</sup> Dalam situasi inilah Abū Muslim melebarkan pengaruh dan membina kekuatannya.

Justeru itu dalam tempoh tidak sampai dua hari selepas Abū Muslim mengangkat bendera-bendera hitam secara terbuka pada 1 Syawwāl 129 H/15 Jun 747 M di sebuah kampung qabilah Khuzā'ah,<sup>39</sup> beliau telah disertai lebih kurang 2200 orang daripada dua kumpulan *Rub' al-Taqādum*.<sup>40</sup> Menurut versi lain yang dilaporkan oleh al-Ṭabarī, penyokong-penyokong ini datang dari enam puluh buah kampung di sekitar Merv.<sup>41</sup> Tidak sampai satu setengah bulan bilangan tentera Abū Muslim bertambah menjadi 7000 orang, dan mereka ini diarahkan supaya disenaraikan di dalam *dīwān* baru mengikut nama mereka, nama bapa mereka dan nama kampung mereka.<sup>42</sup>

Ini membuktikan bahawa mereka ini telah menjadi orang-orang Khurāsān, tanpa sebarang perbezaan dari segi keturunan, samada Arab atau bukan Arab. Dengan lain perkataan asimilasi sepenuhnya telah tercapai di Khurāsān, tetapi di

<sup>38</sup> M.A. Sha'bān (1983), op. cit., h. 232.

<sup>39</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 2, h. 1952.

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 1954-1955 dan h. 1957; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 273. *Rub' al-Taqādum* atau *Ahl al-Taqādum* bermaksud pendatang-pendatang lama di Merv. Wellhausen membacanya sebagai *Suqādīm* iaitu nama satu tempat tertentu. Lihat Wellhausen, h. 523.

<sup>41</sup> Al-Ṭabarī (1939), loc. cit.

<sup>42</sup> *Ibid.*, j. 2, h. 1969.



sini hanya terjadi di kalangan tentera Abū Muslim, dan kemudiannya dikenakan ke atas seluruh empayar dengan kekuatan senjata setelah berjayanya pemberontakan di Merv.<sup>43</sup>

### 3.3.3 *Rahsia Perlantikan Sebagai Ketua Operasi*

Berasaskan kepada pengaruh dan kekuatan yang ada pada Abū Muslim, maka boleh dikatakan bahawa al-Manşūr telah membuat pilihan yang tepat apabila melantik beliau mengetuai operasi ketenteraan ke atas ‘Abd Allāh b. ‘Alī. Kekuatan dua tokoh ini dianggap setanding. Al-Dhahabī menyifatkan Abū Muslim sebagai seorang yang perkasa, keras, digeruni serta tidak teragak-agak untuk membunuh. Dia telah membunuh ramai manusia sehingga diriwayatkan sejumlah 600 ribu nyawa manusia telah hilang ditangannya samada melalui peperangan atau tahanan.<sup>44</sup>

Jasa dan sumbangan besar Abū Muslim yang banyak samada semasa *da‘wah* ‘Abbāsiyyah, semasa *daulah* ‘Abbāsiyyah di peringkat awal pembentukannya dan sepanjang pemerintahan Abū al-‘Abbās. ‘Abd Allāh barangkali mempengaruhi al-Manşūr dalam pelantikan ini. Al-Manşūr mungkin menganggap bahawa perlantikannya ini akan menggembirakan Abū Muslim kerana ia adalah ruang yang baik baginya untuk menambahkan sumbangan dan jasa **khidmatnya kepada *daulah* ‘Abbāsiyyah.**

---

<sup>43</sup> M.A. Sha‘bān (1983), op. cit., h. 234-235.

<sup>44</sup> Al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 95.

Namun dari pemerhatian yang mendalam kita dapat mengagak bahawa al-Manşūr mempunyai agenda yang tersembunyi di sebalik perlantikan ini. Justeru itulah kita lihat Abū Muslim seolah-olah dapat menghidu *siasah* al-Manşūr ketika menolak pelantikan ini di peringkat awal. Al-Manşūr seolah-olah menggunakan peluang ini untuk membebaskan dirinya dari dua musuh politiknya iaitu ‘Abd Allāh b. ‘Alī dan Abū Muslim al-Khurāsānī.<sup>45</sup> Beliau tentunya yakin bahawa salah seorangnya pasti akan tewas dalam peperangan yang akan berlaku. Jika mana-mana seorang dari keduanya terbunuh maka mudahlah bagi al-Manşūr menyusun strateginya bagi menghadapi seorang lagi musuhnya yang tinggal.

### 3.4 *Episod-episod Peperangan*

Dalam bahagian ini saya akan menyoroti episod-episod peperangan yang berlaku di antara dua ketumbukan tentera yang dipimpin oleh dua tokoh berkaliber iaitu ‘Abd Allāh b. ‘Alī dan Abū Muslim al-Khurāsānī. Setelah semua persediaan dibuat, kedua-dua belah pihak mula menggerakkan pasukan masing-masing. Abū Muslim memimpin barisan ketenteraannya bagi pihak al-Manşūr dan ‘Abd Allāh pula memimpin pasukannya bagi pihak dirinya sendiri.

#### 3.4.1 *Pergerakan Dua Ketumbukan Tentera*

Setelah merasa selesa dengan kelengkapan, keperluan dan persediaan perang yang dibuat, maka al-Manşūr terus mengarahkan Abū Muslim

---

<sup>45</sup> Al-Syekh al-Khūḍarī (1970), *op. cit.*, j. 3, h. 54.

menggerakkan tenteranya menuju ke Syām, tempat pemberontakan meletus. Sebelum itu al-Mansur berjanji untuk menyerahkan Syām kepada Abū Muslim sekiranya beliau berjaya menyingkirkan ‘Abd Allāh.<sup>46</sup> Samada janji ini dibuat secara ikhlas atau tidak, Abū Muslim tentunya gembira dengan tawaran sehebat ini. Pengaruh dan kekuasaannya akan menjadi lebih besar dengan penyerahan Syām di samping Khurāsān dan Masyriq yang di serahkan kepadanya sebelum itu.

Dari Anbār, Abū Muslim mula menggerakkan ketumbukan tenteranya tanpa membuang masa. Ahli sejarah menyifatkan team yang dipimpin oleh Abū Muslim sebagai sebuah pasukan yang besar dan kuat. Ia dianggotai oleh tentera-tentera terlatih yang memberikan ketaatan padu kepada Abū Muslim.<sup>47</sup>

Dari Anbār, mereka mula bergerak ke Jazīrah melalui Mawṣil. Di Mawṣil, kumpulan Abū Muslim disertai oleh beberapa pasukan lain. Tentera-tentera yang menyertai pasukan Abū Muslim di Mawṣil adalah terdiri dari bekas pengikut ‘Abd Allāh yang lari dari Syām dan tentera-tentera bantuan yang dihantar oleh Khalīfah dari masa ke semasa. Dari Mawṣil mereka terus bergerak dalam kumpulan yang lebih besar dengan kelengkapan dan kuda yang lebih banyak.<sup>48</sup> Al-Dhahabī menyifatkan pergerakan pakatan ini seperti sekumpulan besar belalang yang sedang terbang mencari sasaran mereka atau seumpama ombak besar yang sedang

---

<sup>46</sup> Al-Maqdisī (1899), op. cit., j. 6, h. 77.

<sup>47</sup> Al-Khudārī (1970), op. cit., j. 3, h. 55.

<sup>48</sup> Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188.

bergerak di lautan.<sup>49</sup> Mereka seterusnya tiba di sebuah tempat di Naṣṣībayn bernama Dayr al-A'war<sup>50</sup> dan berkhemah di situ.<sup>51</sup>

Al-Maqdisī melaporkan bahawa 'Abd Allāh b. 'Alī bersama-sama seratus ribu tenteranya terlebih dahulu sampai ke Naṣṣībayn sebelum ketibaan Abū Muslim dan pasukannya.<sup>52</sup> Sesampai sahaja 'Abd Allāh ke Naṣṣībayn, beliau terus membina kubu di satu kawasan di antara sebuah bukit dan sebatang anak sungai. Semua peralatan dan kelengkapan perang disimpan di situ. 'Abd Allāh seterusnya memasang *majānīq*,<sup>53</sup> memagari kubunya dengan duri-duri (atau kawat-kawat duri), menutup jalan dari 'Irāq serta memastikan kawasan yang terdapat rumput untuk ternakan dan air berada dalam kawalannya.<sup>54</sup>

Kedudukan Ḥarran (residensi 'Abd Allāh) yang hampir dengan Naṣṣībayn merupakan faktor utama kenapa 'Abd Allāh terlebih dahulu sampai berbanding Abū Muslim yang datang dari Anbār. Abū Muslim hanya tiba di Naṣṣībayn beberapa hari selepas ketibaan 'Abd Allāh.

<sup>49</sup> Al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 93.

<sup>50</sup> *Dayr al-A'war* ialah satu perkampungan di Nassibayn. Lihat al-Mas'ūdī, *Murūj al-Dhahab*, j. 2, h. 224.

<sup>51</sup> Ibid.

<sup>52</sup> Al-Maqdisī (1899), op. cit., j. 6, h. 77.

<sup>53</sup> *Majānīq*: iaitu alat pelontar batu. Lihat Ibn Manẓūr (t.t.), op. cit., j. 6, h. 4143.

<sup>54</sup> Al-Maqdisī (1899), loc. cit.

### 3.4.2 Strategi dan Taktik Peperangan Abū Muslim

Sebagai seorang Panglima perang yang berkaliber serta berpengalaman luas, Abū Muslim sudah tentu telah merangka strategi dan taktik yang berkesan bagi menundukkan 'Abd Allāh dalam percaturan ini. Abū Muslim barangkali tidak lupa kepada kata-kata, "sesungguhnya peperangan itu adalah tipu daya".<sup>55</sup> Al-Ḥajjāj b. Yūsuf al-Thaqafī pernah menasihatkan seorang pemimpin tentera dengan kata-kata, "kamu mestilah mempunyai keazaman yang tinggi dalam menghadapi musuh kamu, lakukanlah apa sahaja tipudaya/taktik untuk mengalahkan musuh, sesungguhnya tipudaya/taktik adalah cara terbaik untuk mencapai kemenangan".<sup>56</sup>

Beberapa langkah telah diambil oleh Abū Muslim sebaik sahaja sampai ke Naṣṣībayn, tempat meletusnya pertempuran. Antaranya ialah beliau tidak terus melancarkan serangan ke atas 'Abd Allāh sebaik sahaja sampai ke Naṣṣībayn.<sup>57</sup> Sebaliknya Abū Muslim mengambil masa bagi meninjau kelengkapan dan kekuatan pasukan yang dipimpin oleh 'Abd Allāh.

Keterlewatan pasukannya untuk tiba ke Naṣṣībayn berbanding pasukan 'Abd Allāh mungkin mendorongnya mengambil masa untuk melancarkan serangan.

<sup>55</sup> Diriwayatkan dari Abū Hurayrah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "peperangan itu suatu helah". Sarjana Hadīth menjelaskan pengertian helah itu dengan beberapa maksud iaitu: 1- merahsiakan tindakan sebenar yang akan diambil, 2- berpura-pura dalam tindakan, 3- tidak menepati janji dan 4- peperangan itu seumpama satu permainan (*game*). Lihat al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā b. Syaraf (1971), *Riyāḍ al-Ṣālihīn min Kalām Sayyid al-Mursalin*, Mesir: Dār al-Kitāb al-Islāmī, Kaherah, h. 478; Ibn Qutaybah (1972), op. cit., j. 2, h. 25; Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1973), *Mu'jam Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, j. 1, Mesir: al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb, h. 331; al-Fayyūmī (1965), op. cit., j. 2, h. 90 dan 105; Ibn. Kathīr (1987), op. cit., j. 7, h. 228.

<sup>56</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 5, h. 60.

<sup>57</sup> Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188.

Apalagi persiapan dan pertahanan 'Abd Allāh yang agak kukuh dengan pelbagai kelengkapan dan peralatan di samping kedudukannya yang strategik.<sup>58</sup> Kita dapat membayangkan kekecewaan Abū Muslim dalam hal ini. Di sudut yang lain Naṣṣībayn adalah kawasan 'Abd Allāh. Beliau tentunya lebih memahami kedudukan medan pertempuran ini berbanding Abū Muslim. Peribahasa Arab ada mengatakan bahawa “penduduk Mekah lebih tahu kedudukan lorong-lorong di Mekah”.<sup>59</sup>

Menyedari musuh berada pada kedudukan yang lebih strategik, Abū Muslim mula mencari helah peperangan. Beliau mula mengarahkan tentera-tenteranya agar meneruskan perjalanan mereka ke Syām di samping mengelakkan pertembungan dengan tentera 'Abd Allāh. Dalam masa yang sama Abū Muslim menghantar utusannya untuk menemui 'Abd Allāh. Al-Sindī Ibn Syāhāk menyifatkan utusan Abū Muslim itu sebagai seorang yang bengis, berwajah kusut masai, panjang rambutnya, panjang janggut dan tebal bulu pipinya. Utusan itu kemudiannya membacakan mesej Abū Muslim kepada 'Abd Allāh dengan berkata, “kenapa awak mahu memerangi saya. Saya bukan dihantar untuk memerangi awak, tetapi saya telah dilantik oleh Khalīfah sebagai Gabenor Syām. Oleh itu saya ingin menuju ke Syām”.<sup>60</sup>

---

<sup>58</sup> Beberapa kelebihan yang memihak kepada pasukan 'Abd Allāh ialah: i- ketibaan mereka ke Naṣṣībayn lebih awal berbanding pasukan Abū Muslim kerana faktor jarak; 2- Pasukan 'Abd Allāh berada di kedudukan yang strategik berbanding Abū Muslim ; 3- Saiz tentera 'Abd Allāh lebih besar dari tentera kerajaan yang dipimpin oleh Abū Muslim ; 4- 'Abd Allāh telah mengambil langkah menutup jalan yang menghubungkan kepadanya dari 'Iraq. Lihat Ibn. Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 62 ; al-Maqdisī (1899), op. cit., j. 6, h. 77.

<sup>59</sup> Al-Mubarrad (1365H), op. cit., h. 35.

<sup>60</sup> Al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 366 ; Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 62.

Abū Muslim seolah-olah mahu membayangkan kepada ‘Abd Allāh bahawa tenteranya mahu menuju ke Syām dan tidak berniat untuk menyerangnya. Taktik dan helah yang dibuat oleh Abū Muslim ini ternyata berkesan apabila ia berjaya menimbulkan keresahan di kalangan pengikut-pengikut ‘Abd Allāh yang bimbangkan keselamatan isteri-isteri dan anak-anak mereka di Syām.

Mereka lantas menyuarakan pandangan mereka kepada ‘Abd Allāh dan mengusulkan kepadanya untuk pulang membentuk pertahanan di Syām.<sup>61</sup> Namun ‘Abd Allāh yang memahami taktik Abū Muslim ini tidak mahu berganjak dari kedudukannya. Beliau menyergah pendapat tentera-tenteranya dengan kata-kata, “celaka kamu, sesungguhnya dia (Abū Muslim) bukannya mahu menuju ke Syām, sebaliknya dia datang untuk berperang dengan kamu”.<sup>62</sup>

Keadaan ini telah mengkucarkacirkan hubungan di antara ‘Abd Allāh dan pengikut-pengikutnya. Sedikit sebanyak perpaduan dan ketaatan mereka kepada ‘Abd Allāh mula terjejas. Namun desakan demi desakan dari pengikut-pengikutnya sedikit sebanyak telah mula mempengaruhi sikap dan pendirian ‘Abd Allāh. ‘Abd Allāh mulai meragui pendiriannya. Kemungkinan Abū Muslim bercakap benar bahawa beliau mahu menuju ke Syām sebagai Gabenor dan kedatangannya bukan bertujuan memerangi ‘Abd Allāh.

---

<sup>61</sup> Ibn Kathir (1987), *Ibid.*

<sup>62</sup> Al-Ya’qūbī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 365

Justeru terpengaruh dengan desakan dan tekanan dari pengikut-pengikutnya, 'Abd Allāh lantas mengarahkan pasukan tentera yang dipimpin oleh Manṣūr b. Ali supaya menjejaki Abū Muslim yang sedang mara ke Syām. Pasukan ini kemudiannya berjaya dikalahkan oleh Abū Muslim.<sup>63</sup> Untuk terus mengabui mata 'Abd Allāh dan pengikut-pengikutnya, Abu Muslim meneruskan perjalanannya ke arah Syām. Tindakan Abū Muslim ini berjaya mempengaruhi 'Abd Allāh yang terus menerus menjejakinya.<sup>64</sup>

Dalam waktu yang sama Abū Muslim menghantar ejen perisikannya bagi mengetahui kedudukan kubu pasukan 'Abd Allāh. Setelah dipastikan melalui maklumat perisikannya bahawa 'Abd Allāh bersama-sama pengikutnya mula meninggalkan pertahanan strategik mereka, Abū Muslim lantas mengambil peluang itu untuk kembali menguasai kubu 'Abd Allāh yang telah ditinggalkan.<sup>65</sup> Abū Muslim mula melemahkan kekuatan musuhnya dengan mengering dan mencemarkan sumber-sumber air yang ada di sekitar pertahanan musuhnya. Bangkai-bangkai ternakan yang mati dibuang ke dalam punca-punca air bagi menghalang tentera musuh menggunakannya.<sup>66</sup> Abū Muslim akhirnya berjaya mengambil alih sepenuhnya kedudukan strategik yang dikuasai 'Abd Allāh sebelum ini.

---

<sup>63</sup> Al-Maqdisī (1899), op. cit., j. 6, h. 78.

<sup>64</sup> Ibid.

<sup>65</sup> Ibid.

<sup>66</sup> Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188.



Pengambilalihan kedudukan strategik yang berlaku secara terancang melalui helah dan taktik ini ternyata mengembirakan hati Abū Muslim. Penguasaannya ke atas kedudukan strategik ini pastinya akan menjadi faktor pembantu khususnya bagi mengatasi kekurangan bilangan tenteranya berbanding tentera musuh.<sup>67</sup>

Ternyata bahawa ‘Abd Allāh telah tertipu dengan helah dan pelan tindakan yang dirancang dengan begitu teliti oleh Abū Muslim. ‘Abd Allāh mungkin terpaksa menuruti kemahuan dan desakan pengikutnya dalam hal ini walaupun sedar akan perancangan dan helah Abū Muslim tersebut. Pergolakan dalaman antara ‘Abd Allāh dan pengikut-pengikutnya mungkin lebih meruncing jika beliau terus bertegas untuk berada di kubu pertahanannya. Tetapi apakan daya nasi sudah menjadi bubur. Al-īmām ‘Alī k.w. pernah berkata, “peluang yang telah berlalu akan terus berlalu”.<sup>68</sup>

Walaupun berada di kedudukan yang teruk tanpa air dan kelengkapan yang berkurangan.<sup>69</sup> ‘Abd Allāh bersama-sama tenteranya terus mendekati kedudukan Abū Muslim pada jarak empat *farsakh* sahaja<sup>70</sup>. Sekalipun berada dalam keadaan yang tertekan, namun ‘Abd Allāh masih mampu mengawal emosinya. Beliau memaafkan pengikut-pengikutnya di samping memberikan ganjaran kepada

<sup>67</sup> Al-Syekh al-Khudārī (1970), op. cit., j. 3, h. 65.

<sup>68</sup> Al-Syarīf al-Ridā (1971), *Nahj al-Balāghah*, j. 6, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, ulasan oleh al-Syekh Muḥammad ‘Abduh, h. 28.

<sup>69</sup> Al-Ya‘qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 366 ; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188; Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 62.

<sup>70</sup> Empat *farsakh* menyamai dua belas batu atau 19 kilometer lebih. Lihat al-Yasū‘ī (1988), op. cit., j. 1, h. 579.

mereka.<sup>71</sup> Tindakan 'Abd Allāh ini adalah wajar dan berguna terutama di saat mereka sedang menghadapi suasana yang agak meruncing seperti ini.

### 3.4.3 *Pertempuran Tercetus*

Sekalipun 'Abd Allāh mempunyai kelebihan dari sudut bilangan tentera dan peralatan perang yang banyak berbanding pasukan pimpinan Abū Muslim, namun kelebihan ini kurang bererti setelah pasukan 'Abd Allāh terjerat dengan muslihat Abū Muslim. Terlepasnya lokasi strategik pertahanan tentera 'Abd Allāh ke tangan Abū Muslim membawa erti bahawa tentera kerajaan sudah menguasai sebahagian dari kekuatan musuh. Dalam masa yang sama kita dapat bayangkan betapa 'Abd Allāh bersains tentera-tenteranya sudah mulai kehilangan semangat juang mereka.

Ini terbukti apabila pasukan Abū Muslim terlebih dahulu bertindak menyerang kedudukan 'Abd Allāh dan tentera-tenteranya seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Kathīr.<sup>72</sup>

Peperangan yang tercetus di antara dua pasukan ini bermula pada bulan Şafar tahun 137H/ Julai 754M dan berterusan sehingga awal bulan Jumādā al-Akhīrah 137H/ November 754M.<sup>73</sup> Beberapa siri pertempuran berlaku dalam tempoh hampir setengah tahun dari tarikh peperangan itu bermula. Siri-siri

---

<sup>71</sup> Al-Maqdisi (1899), op. cit., j. 6, h. 78.

<sup>72</sup> Ibn Kathīr (1987), op. cit., 10, h. 62.

<sup>73</sup> Ibid.

hari Selasa dan Rabu, iaitu pada tanggal tujuh dan lapan Jumādā al-Akhīrah 137H/bulan November atau Disember tahun 754M.<sup>77</sup>

Kedudukan tentera Abū Muslim dilihat bertambah kukuh dengan penstrukturan semula yang dibuat sebelum ini. Strategi ini berjaya mengembalikan kekuatan tentera pimpinan Abū Muslim di samping menimpakan kecelakaan ke atas tentera ‘Abd Allāh. Barisan tentera ‘Abd Allāh mulai kucar-kacir dan hilang keseimbangan lantaran serangan bertalu-talu yang dilancarkan oleh tentera Abū Muslim.

Setelah pasti bahawa kemenangan telah menyebelahnya, Abū Muslim lantas memerintahkan tentera-tenteranya agar berhenti dari menyerang. Beliau memberikan pengampunannya kepada tentera-tentera ‘Abd Allāh yang menyerah diri dan tidak seorangpun dikalangan mereka yang dibunuh. Abū Muslim juga memerintahkan tenteranya agar tidak menjejaki ‘Abd Allāh b. Alī yang melarikan dirinya setelah terpaksa akur dengan kekuatan tentera lawan.<sup>78</sup>

### 3.5 Faktor-faktor Kekalahan ‘Abd Allāh

Beberapa tindakan telah diambil oleh ‘Abd Allāh menjelang berlakunya pertempuran antara dua pasukan. Tindakan ini membayangkan betapa beliau tidak

---

<sup>77</sup> Hasan Khalīfah (1931), op. cit., h. 41 ; John Bagot Glub (1966), op. cit., h. 446.

<sup>78</sup> Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 185; Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 63; Muḥammad Hilmī Muḥammad Aḥmad (1959), *al-Khilāfah wa al-Daulah fi al-‘Asr al-‘Abbāsī*, Mesir: Maḥa’ah al-Risālah, ‘Ābidīn, Kaḥerah, h. 64-65

optimis dalam menghadapi percaturan ini. Antara tindakannya yang dianggap menjadi punca kekalahan yang dialaminya ialah:

### 3.5.1 Penyingkiran *Ḥamīd b. Quḥṭabah*

*Ḥamīd b. Quḥṭabah* adalah salah seorang Panglima perang terkemuka yang menyertai kumpulan 'Abd Allāh setelah berlakunya pemberontakan Syām.<sup>79</sup> Beliau merupakan seorang tokoh besar 'Abbāsiyyah di medan pertempuran yang memberi *bay'ah* kepada 'Abd Allāh sebaik sahaja mengisytiharkan dirinya sebagai Khalīfah.

Sejarawan menyebut bahawa sejak dari awal pemberontakan meletus 'Abd Allāh memang sudah bertekad untuk membunuh *Ḥamīd b. Quḥṭabah*.<sup>80</sup> Perancangannya untuk membunuh *Ḥamīd* ini dilakukan secara terancang melalui surat yang dihantar kepada Zufar b. 'Āṣim al-Kilābī<sup>81</sup> melalui *Ḥamīd* sendiri. Dalam surat itu beliau mengarahkan Zufar agar merancang pembunuhan *Ḥamīd*. Bagaimanapun nasib menyebelahi *Ḥamīd* apabila beliau bertindak membuka surat yang dibawanya itu di pertengahan jalan antara Ḥarrān dan Ḥalab. Justeru mengetahui perancangan jahat 'Abd Allāh terhadapnya, beliau lantas mengubah haluan dan pendiriannya dengan menyertai pasukan yang dipimpin Abū Muslim.<sup>82</sup>

---

<sup>79</sup> *Ḥamīd b. Quḥṭabah al-Ta'i* adalah anak kepada Panglima Agung gerakan 'Abbāsiyyah iaitu *Quḥṭabah b. Syabīb al-Ta'i*. Beliau bersaudara dengan al-Ḥasan b. *Quḥṭabah* yang juga seorang panglima perang.

<sup>80</sup> Al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 366.

<sup>81</sup> Zufar al-Kilābī adalah Penguasa bandar Ḥalab yang dilantik oleh 'Abd Allāh.

<sup>82</sup> Muḥammad Ḥilmī Muḥammad Aḥmad (1959), op. cit., h. 64.

Tindakannya merancang pembunuhan Ḥamīd adalah satu keputusan yang amat silap serta merugikan. Nasib dan masa depan kekuatan kumpulan ‘Abd Allāh menjadi lebih rumit dan tidak menentu apabila Ḥamīd sedar akan perancangan ini. Keadaan ini mendorongnya menyertai pakatan tentera kerajaan pimpinan Abū Muslim. ‘Abd Allāh seharusnya mengeksploitasi semaksimum mungkin kepakaran dan pengalaman luas Ḥamīd di medan perang. Tindakan beliau ini mungkin juga dibayangi oleh kemungkinan Ḥamīd akan bertindak mencabul *bay'ah*nya sebelum ini.

### 3.5.2 *Penyingkiran Pengaruh Khurāsāniyyīn*

Tindakan lain yang dilihat merugikan ‘Abd Allāh ialah pembunuhannya keatas ribuan tentera Khurāsān yang merupakan sebahagian dari struktur kekuatannya. Tindakan ini diambil sebaik sahaja beliau tahu bahawa Abū Muslim dilantik untuk memimpin tentera kerajaan. Terdapat riwayat yang menyebut bahawa tentera Khurāsān yang menjadi mangsa ‘Abd Allāh berjumlah seramai tujuh belas ribu orang.<sup>83</sup>

Tindakan beliau ini juga adalah sebahagian dari bayangan kemungkinan tentera-tentera Khurāsān akan menyebelahi Abū Muslim setelah tindakan yang sama diambil oleh Ḥamīd b. Quṭbah. Kegopohan ‘Abd Allāh meloloskan dirinya dari pengaruh Khurāsān tanpa apa-apa dosa yang mereka lakukan adalah sebahagian dari manifestasi kegelojohan beliau dalam siri tindakan yang

---

<sup>83</sup> Al-Jahsyīyārī (1981), *op. cit.*, h. 103.

diambilnya. Hal ini akhirnya membawa padah kepada beliau pada episod-episod terakhir pertempuran.

‘Abd Allāh sepatutnya sedar bahawa mereka adalah pemuda-pemuda Khurāsān yang berjiwa besar dalam perjuangan. Di bahu merekalah gerakan ‘Abbāsiyyah berjalan lancar yang kemudiannya berjaya membentuk *daulah* ‘Abbāsiyyah. Apa yang wajar beliau lakukan ialah menghindarkan mereka dari medan pertempuran dengan menghantar mereka ke kawasan-kawasan yang berselerak di sekitar Syām di samping mengawasi pergerakan mereka. Tindakan ini lebih wajar dilakukan berbanding pembunuhan kejam tanpa sebarang alasan selain keberangkalian mereka menyertai tentera kerajaan.

### *3.5.3 Terpengaruh Dengan Desakan Pengikut*

Sikap optimis ‘Abd Allāh dilihat mulai pudar apabila beliau terpaksa mengikut telunjuk tentera-tenteranya. Walaupun pada peringkat awal ‘Abd Allāh dilihat cuba mempertahankan pendiriannya untuk tidak terpedaya dengan taktik Abū Muslim, namun keadaan berubah selepas itu. Keputusan untuk menjejaki Abū Muslim yang bertindak seolah-olah mahu menuju ke Syām telah mengakibatkan kekalahan demi kekalahan menimpa pasukan ‘Abd Allāh.

Pasukan pertama yang dihantar untuk tujuan penjejakan ini diketuai oleh saudara 'Abd Allāh sendiri iaitu Manṣūr b. 'Alī al-'Abbāsī.<sup>84</sup> Penjejakan ini disusuli dengan pertempuran yang berlaku di satu tempat antara Naṣṣībayn dan Syām yang berakhir dengan kekalahan tentera 'Abd Allāh pimpinan saudaranya, Manṣūr b. 'Alī. Kekalahan yang sama juga dialami oleh tentera 'Abd Allāh pimpinan 'Abd al-Ṣamad b. 'Alī sebelum ini yang cuba menghalang pergerakan Abu Muslim di Mawṣil. Korban pertama dalam pertempuran ini ialah Setiausaha (*Kātib*) 'Abd Allāh sendiri yang bernama Abū Ghālib. Al-Jahsyiyārī menganggap kematian Abū Ghālib sebagai petanda awal nasib buruk yang bakal menimpa 'Abd Allāh dan bala tenteranya.<sup>85</sup>

Saya berpendapat bahawa lebih baik bagi 'Abd Allāh untuk terus optimis dan konsisten terhadap pendiriannya tanpa terpengaruh kepada desakan pengikut-pengikutnya. Alangkah baik jika beliau memaksa tentera-tenteranya agar mengikut arahnya serta menyedarkan mereka kepada helah dan perencanaan Abū Muslim. Namun perkara ini tidak menjadi kenyataan.

Keadaan menjadi lebih parah apabila pertahanan strategik mereka ditinggalkan begitu sahaja. Keadaan ini mendorong Abū Muslim mengubah haluannya untuk kembali menguasai lokasi strategik yang telah ditinggalkan musuhnya.

---

<sup>84</sup> *Al-Ya'qūbī* (t.t.), op. cit., j. 2, h. 367.

<sup>85</sup> *Al-Jahsyiyārī* (1981), op. cit., h. 103.

Hal ini mungkin juga disebabkan perubahan pendirian tentera 'Abd Allāh terhadapnya atau mereka tidak lagi ikhlas dalam perjuangan bersama pemimpin mereka.<sup>86</sup> Beberapa tindakan yang disebutkan tadi telah menjerumuskan 'Abd Allāh kepada kesilapan-kesilapan teknikal pra peperangan yang akhirnya membawa padah kepada pasukannya.

Kekalahan 'Abd Allāh di tangan tentera-tentera kerajaan pimpinan Abū Muslim dalam peperangan ini menandakan berakhirnya suatu episod penentangan terhadap al-Manṣūr oleh bapa saudaranya sendiri. Kekuasaan 'Abd Allāh yang berpusat di Syām tidak dapat bertahan lama lantaran kekuatan tenteranya menjadi lebur apabila berhadapan dengan kebijaksanaan Abū Muslim.

### *3.6 Faktor-faktor Kemenangan Tentera Kerajaan*

Kejayaan Abū Muslim dalam peperangan menentang pemberontakan 'Abd Allāh ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor. Selain faktor kelemahan di pihak 'Abd Allāh, faktor keperibadian dan ketokohan Abū Muslim sendiri sebagai seorang Kepala Perang yang berpengalaman luas, berkebolehan, berkaliber serta berpengaruh juga memainkan peranan penting. Kewibawaan serta kesungguhan Khalifah dalam menangani pemberontakan ini juga menjadi faktor yang penting dalam kejayaan ini. Kita boleh simpulkan faktor-faktor tersebut dalam beberapa perkara iaitu:

---

<sup>86</sup> Hasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), *op. cit.*, j. 2, h. 96.



### 3.6.1 Faktor Pelantikan Abū Muslim

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa Khalīfah al-Manṣūr amat sedar akan bahaya pemberontakan yang dipimpin oleh bapa saudaranya ini. Pemberontakan ini mungkin membawa malapetaka yang amat berbahaya kepada *daulah* ‘Abbāsiyyah yang baru berusia lima tahun. Justeru itu beliau mengambil keputusan untuk tidak mendiamkan dirinya.<sup>87</sup>

Antara tindakan terpenting yang telah diambil oleh beliau sebaik sahaja mendapat berita pemberontakan bapa saudaranya, ‘Abd Allāh, ialah perlantikan Abū Muslim sebagai pemimpin kepada ketumbukan tentera kerajaan. Perlantikan ini memang tepat pada masanya. Khalīfah al-Manṣūr sudah tentu menyedari pengaruh dan kekuatan Abū Muslim khususnya di kalangan anggota tentera kerajaan dan tentera pemberontakan sendiri. Beliau tentu ingat kata-kata Abū Muslim bahawa sebahagian besar dari pengikut ‘Abd Allāh adalah dari kalangan *Khurāsāniyyīn* yang tidak sekali-kali menderhakainya.<sup>88</sup>

Kebijaksanaan Khalīfah dalam menyerahkan mandat kepimpinan bala tenteranya kepada seorang tokoh yang amat berpengaruh akhirnya membuahkan kejayaan dengan tumpasnya ‘Abd Allāh b. ‘Alī setelah tewas dalam peperangan di Naṣṣībayn.

---

<sup>87</sup> Al-Sayyid Ibrāhīm Ḥammūr (1982), *op. cit.*, h. 59.

<sup>88</sup> Ibn al-Athīr (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 186.

### 3.6.2 Sokongan Berterusan dari Pihak Khalifah

Khalifah al-Manşūr sentiasa mengikuti perkembangan operasi yang dijalankan dari masa ke semasa. Sokongan dan bantuan ketenteraan dihantar secara berperingkat bagi mengukuhkan kekuatan tentera kerajaan.<sup>89</sup> Tindakan Khalifah ini dilihat sebagai sokongan moral yang berjaya meningkatkan semangat tentera kerajaan dalam menghadapi musuh negara. Kekuatan mereka juga sentiasa bertambah dengan bantuan yang tiba secara berterusan.

### 3.6.3 Pembelotan Sebahagian Pengikut 'Abd Allāh

Sebahagian pengikut 'Abd Allāh bertindak memboloskan diri mereka dari kongkongan ketua mereka seperti Ḥamīd b. Quṭbah bersama-sama tentera di bawah kawalannya. Pembelotan mereka mungkin berpunca dari berbagai sebab seperti ketidakpercayaan mereka kepada dakwaan 'Abd Allāh sebelum ini atau seumpamanya. Apa yang pasti pembelotan ini telah melemahkan kekuatan pasukan 'Abd Allāh, apalagi setelah mereka menyertai tentera Abū Muslim. Penyertaan kumpulan ini ke dalam tentera kerajaan tentunya menjadi antara faktor terpenting kemenangan Abū Muslim.

---

<sup>89</sup> *Ibid.*, j. 5, h. 188.

### *3.6.4 Kepatuhan yang Tidak Berbelah Bagi*

Sikap dan sifat taat yang ditunjukkan oleh tentera kerajaan pimpinan Abū Muslim amat berbeza dari sikap dan sifat degil yang ditunjukkan oleh tentera ‘Abd Allāh. Desakan pengikut ‘Abd Allāh agar beliau menjejaki Abū Muslim ke Syām melambangkan kedegilan dan kedangkalan mereka tentang taktik-taktik peperangan. Sikap ini memperlihatkan kepada kita betapa mereka tidak mengendahkan arahan ketua mereka yang akhirnya membawa padah kepada masa depan pemberontakan ‘Abd Allāh. Keadaan ini amat berbeza dengan kepatuhan serta ketaatan tentera-tentera yang dipimpin oleh Abū Muslim kepada ketua mereka.

### *3.6.5 Keberkesanan Strategi Peperangan Abū Muslim*

Tidak dapat dinafikan bahawa strategi adalah senjata utama yang memungkinkan sesuatu kejayaan dicapai. Kebijaksanaan Abū Muslim amat terserlah melalui dua taktiknya yang amat berkesan bagi mengelirukan musuhnya. Pertama apabila beliau berpura-pura menuju ke Syām dan kedua apabila beliau menstruktur semula kedudukan tenteranya tanpa disedari oleh tentera musuh.

### *3.6.6 Tempoh Peperangan*

Peperangan ini mengambil masa hampir setengah tahun. Ia tentunya satu tempoh yang agak panjang. Tentera ‘Abd Allāh yang semakin lemah hasil beberapa

tindakan 'Abd Allāh sebelum ini tentunya tidak dapat bertahan lama bagi menangkis serangan tentera Abū Muslim.

Faktor-faktor tersebut di samping faktor-faktor lainnya merupakan antara punca utama yang membawa kepada kejayaan tentera kerajaan pimpinan Abū Muslim dalam peperangan ini. Dengan kekalahan yang menimpa 'Abd Allāh di Naṣṣībayn, maka api pemberontakan yang bernyala di Syām sebelum ini dapat dipadamkan. Usaha 'Abd Allāh untuk mengejar kekuasaan atas dakwaan bahawa beliau berhak ke atas *Khilāfah* nampaknya terbantut di pertengahan jalan.<sup>90</sup>

Kekalahan yang menimpa 'Abd Allāh amatlah memalukan kerana beliau tewas di tempat sendiri (Naṣṣībayn). Al-Imām 'Alī k.w. pernah berkata, "Tidaklah sesuatu kaum itu diperangi di tempat mereka, kecuali mereka akan ditimpakan kehinaan".<sup>91</sup>

### 3.7 Implikasi Kekalahan 'Abd Allāh

Kekalahan 'Abd Allāh di Naṣṣībayn telah menatijahkan beberapa implikasi, khususnya yang membabitkan masa depan 'Abd Allāh sendiri. Ini termasuklah tindakan 'Abd Allāh melarikan diri untuk mencari perlindungan di Baṣrah; *bay'ah* 'Abd Allāh kepada Khalīfah al-Manṣūr; usaha-usaha al-Manṣūr untuk membawa 'Abd Allāh ke residensi Khalīfah; usaha merundingkan penyerahan 'Abd Allāh;

<sup>90</sup> Al-'Imrānī (1975), op. cit., h. 62, 63.

<sup>91</sup> Al-Syarīf al-Riḍā (1971), op. cit., j. 1, h. 68.

watikah pengampunan; penyerahan diri 'Abd Allāh; pemenjaraan 'Abd Allāh dan seterusnya kematian beliau dalam penjara.

### 3.7.1 Mencari Perlindungan

Kekalahan yang menimpa 'Abd Allāh nampaknya telah menggagalkan hasratnya untuk terus berkuasa sebagai Khalifah yang *dibay'ah* di Syām dan kawasan sekitarnya. Sungguhpun beliau begitu bersungguh-sungguh mempertahankan dakwaannya sebelum ini, namun kekalahan yang dialaminya telah memaksa beliau melarikan dirinya bagi mencari perlindungan.<sup>92</sup>

Sejurus selepas ternampak tanda-tanda kekalahan tenteranya, 'Abd Allāh menyatakan hasratnya kepada Ibn Surāqah al-Azdī untuk melarikan diri. Ibn Surāqah menjawab dengan kata-kata, "Demi Allāh, tuan mesti meneruskan perjuangan ini hingga ke titisan darah yang terakhir. Tidak wajar tuan melarikan diri kerana tindakan demikian amat memalukan. Dulu tuan pernah mencela Marwān sebagai bacul kerana takutkan mati lantaran beliau melarikan dirinya dari peperangan".<sup>93</sup>

Saranan Ibn Surāqah ini dilihat selari dengan semangat kepahlawanan dan keberanian di medan perang. Agak tidak wajar bagi seseorang yang berperang

---

<sup>92</sup> Ibn Kathīr (1987), *op. cit.*, j. 10, h. 62.

<sup>93</sup> Al-Ṭabarī (1939), *op. cit.*, j. 6, h. 127.

kerana mempertahankan pegangannya melarikan diri lantaran melihat kemenangan tidak lagi berpihak kepadanya. 'Abd Allāh sepatutnya tidak bertindak demikian.<sup>94</sup>

Namun 'Abd Allāh tidak memperdulikan pandangan Ibn Surāqah dan mengambil keputusan untuk melarikan diri ke 'Irāq.<sup>95</sup> Beliau lantas mengumpulkan kaum keluarga dan pengikut-pengikutnya untuk menuju ke Baṣrah.<sup>96</sup> Antara saudaranya yang turut melarikan diri bersama-samanya ialah 'Abd al-Ṣamad b. 'Alī. Mereka memasuki kota Baṣrah pada waktu malam secara bersembunyi.<sup>97</sup>

Di Baṣrah 'Abd Allāh mendapat perlindungan dari dua orang saudaranya iaitu Sulaymān dan 'Isā b. 'Alī.<sup>98</sup> Beliau bersama kaum keluarganya tinggal beberapa lama di Baṣrah.<sup>99</sup>

---

<sup>94</sup> Al-Syekh al-Khuḍarī (1970), op. cit., j. 3, h. 56 ; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 37.

<sup>95</sup> Al-Syekh al-Khuḍarī, loc. cit.

<sup>96</sup> *Baṣrah*: ialah sebuah kawasan kota yang terkenal di Selatan 'Irāq. Pengasasannya berlaku pada tahun 18H/638M iaitu pada zaman Khalifah 'Umar Ibn al-Khaṭṭāb r. 'a. Baṣrah adalah salah sebuah kota yang terpenting di samping kota Kūfah dan Wāsiṭ. Di sinilah berlaku peperangan *al-Jamal* pada tahun 36H/656M. Baṣrah menjadi sebuah kota yang maju semasa pemerintahan Khalifah-khalifah 'Abbāsiyyah. Lihat al-Fayyūmī (1965), op. cit., j. 1, h. 25 dan al-Yasū'ī (1988), op. cit., h. 93.

<sup>97</sup> Al-Jahsiyyārī (1981), op. cit., h. 103.

<sup>98</sup> Faktor utama yang mendorong 'Abd Allāh mencari perlindungan di Baṣrah ialah kewujudan beberapa orang saudaranya di sana iaitu Sulaymān, Isā dan Ṣālih. 'Abd Allāh tentunya merasa lebih selamat berlindung dengan saudara-saudaranya. Apalagi Sulaymān adalah Gabenor Baṣrah yang dilantik oleh al-Manṣūr. Lihat al-Mubarrad (1365H), op. cit., j. 1, h. 368, 369; Ibn Hazm (1948), op. cit., h. 17; Muḥammad Syākīr Aḥmad (1959), *Fawāt al-Wafiyāt*, j. 1 Mesir: Maktabah Bulāq, h. 227.

<sup>99</sup> Menurut catatan ahli Sejarah 'Abd Allāh tinggal lebih dari dua tahun di Baṣrah bermula dari bulan Jumādā al-Akhirah 137H (setelah tewas dalam peperangan) sehingga Dhū al-Hijjah 139H. Sementara saudaranya Abd al-Ṣamad pula tinggal di Ruṣāfah. Mengikut riwayat lain beliau ('Abd al-Ṣamad) tinggal di Kūfah. Bagaimanapun 'Abd al-Ṣamad ditangkap oleh Gabenor al-Mansur yang bernama Jumhūr b. Mirr al-'Ajālī dan kemudiannya diserahkan kepada Khalifah di Anbār. 'Abd al-Ṣamad kemudiannya diletakkan di bawah pengawasan Putera Mahkota iaitu 'Isā b. Mūsā. Beliau akhirnya mendapat pengampunan dari Khalifah dan dibebaskan. Lihat al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 142; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 189; Ibn Kathīr (1987) op. cit., j. 10, h. 63 ; Al-Jahsiyyārī, *al-Wizarā' wa al-Kutāb*, h. 103/-'Arab, h. 447.

### 3.7.2 Perundingan dan Perjanjian Damai

'Abd Allāh yang berada di bawah perlindungan saudaranya di Baṣrah telah mengutus perutusan taat setianya (*bay'ah*) kepada Khalifah al-Manṣūr pada tahun 138H/755M.<sup>100</sup> Sekalipun al-Manṣūr mengetahui tempat persembunyian 'Abd Allāh, namun beliau membiarkan 'Abd Allāh terus bebas selama dua tahun di Baṣrah tanpa sebarang usaha bagi menangkapnya. Kemungkinan kebangkitan semula *daulah* Umawiyah II di Andalusīā pada tahun 138H/755M menjadi faktor utama yang menghalang tindakan sedemikian.

Perutusan taat setia yang dihantar oleh 'Abd Allāh ternyata menjadi titik toiak kepada tindakan al-Manṣūr seterusnya yang memerintahkan Sulaymān supaya menyerahkan 'Abd Allāh kepadanya pada tahun 139H/756M.<sup>101</sup> Sulaymān bagaimanapun tidak bersedia mematuhi perintah al-Manṣūr tersebut. Keingkaran Sulaymān ini telah mengakibatkan beliau dipecat dari jawatannya sebagai Gabenor Baṣrah pada tahun yang sama.<sup>102</sup>

Tindakan al-Manṣūr memecat Sulaymān dari jawatannya telah memaksa 'Abd Allāh untuk segera bersembunyi kerana bimbangkan tindakan al-Manṣūr seterusnya.<sup>103</sup> Al-Manṣūr bagaimanapun meneruskan usahanya bagi menangkap 'Abd Allāh yang terus menerus bersembunyi.<sup>104</sup> Dalam masa yang sama beliau juga

---

<sup>100</sup> Al-Ṭabarī (1939), loc. cit.

<sup>101</sup> *Ibid.*

<sup>102</sup> *Ibid.*

<sup>103</sup> Al-Azdī (1967), op. cit., j. 2, h. 167.

<sup>104</sup> Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 200.

mendesak Sulaymān menyerahkan 'Abd Allāh kepadanya. Desakan ini akhirnya membuahkan hasil apabila Sulaymān bersetuju menyerahkan 'Abd Allāh dengan syarat jaminan keselamatan diberikan kepada saudaranya itu. Syarat tersebut dipersetujui oleh al-Mansūr.<sup>105</sup>

Persetujuan memberikan jaminan keselamatan ini telah mendorong Sulaymān dan 'Īsā merundingkan penyerahan saudara mereka, 'Abd Allāh kepada al-Mansūr setelah satu surat perjanjian dibuat.<sup>106</sup>

Penelitian terhadap isikandungan surat perjanjian yang dibuat memperlihatkan beberapa syarat yang diletakkan amatlah ketat dan berat. Antara lain bunyi surat ini ialah, "...sebarang pelanggaran syarat-syarat tersebut oleh al-Mansūr akan mengakibatkan beliau menjadi kafir, isteri-isterinya tertalak tiga, *bay'ah* umat Islam kepada akan terbatal, semua hambanya menjadi bebas (merdeka), semua hartanya menjadi milik awam...."<sup>107</sup>

Perjanjian yang penuh sarat dengan syarat-syarat yang berat ini dibuat oleh Sulaymān dan 'Īsā dengan penuh teliti dan berhati-hati agar tidak dicabuli oleh al-Mansūr.<sup>108</sup> Sejarawan meriwayatkan bahawa penulis perjanjian ini ialah 'Abd Allāh b. al-Muqaffā', iaitu salah seorang dari sepuluh *bulaghā'* yang terkenal.<sup>109</sup> Beliau

<sup>105</sup> Ibid, j. 6, h. 145; Al-Jahsyiyārī (1981), op. cit., h. 103.

<sup>106</sup> Ibn Khallikān (t.t.), op. cit., j. 6, h. 353, 354.

<sup>107</sup> Al-Azdi (1967), op. cit., j. 2, h. 27, 167, 170.

<sup>108</sup> Surat perjanjian ini akan diletakkan pada bahagian lampiran disertasi ini.

<sup>109</sup> Mereka ialah 'Abd Allāh b. al-Muqaffā', 'Umārah b. Hamzah, Hījr b. Muḥammad, Muḥammad b. Hījr, Anas b. Abī Shekh, Salīm, Mas'adah, al-Ḥarīr, 'Abd al-Jabbār b. 'Adī dan Aḥmad b. Yūsuf. Lihat Ibn al-Nadīm (t.t.), op. cit., h. 182.



adalah Setiausaha kepada 'Īsā b. 'Alī.<sup>110</sup> Sejarawan juga mencatatkan bahawa pembunuhan 'Abd Allāh b. al-Muqaffā' adalah berpunca dari penulisan perjanjian ini.<sup>111</sup>

Surat perjanjian ini kemudiannya diserahkan sendiri oleh Sulaymān kepada al-Manṣūr di Hāsyimiyyah. Al-Manṣūr menerimanya dan bersumpah akan mematuhi.<sup>112</sup>

Setelah yakin dengan perjanjian yang dimeterai dan diaku sumpah oleh al-Manṣūr, 'Abd Allāh b. 'Alī bersama-sama pengikutnya menuju ke Hāsyimiyyah pada hari Khamis 18 Dhū al-Ḥijjah 139H/756M untuk menyerah diri.<sup>113</sup> Setibanya mereka di Hāsyimiyyah, al-Manṣūr mengarahkan agar semua pengikut 'Abd Allāh ditahan sementara waktu, sementara 'Abd Allāh diserahkan kepada saudaranya iaitu 'Īsā b. 'Alī. Semua pengikut 'Abd Allāh yang ditahan akhirnya dibunuh. Sebahagian dibunuh di Hāsyimiyyah dan sebahagian lagi di Khurāsān.<sup>114</sup>

### 3.7.3 Perletakan 'Abd Allāh Di Bawah Pengawasan Putera Mahkota II

Setelah tinggal di bawah pengawasan saudaranya, 'Īsā b. 'Alī selama lapan tahun, 'Abd Allāh kemudiannya diserahkan pula kepada 'Īsā b. Mūsā pada tahun

<sup>110</sup> Ibn Khallikān (t.t.), op. cit., j. 4, h. 354.

<sup>111</sup> Ibid, j. 4, h. 354; Ibn al-Nadīm: (t.t.) loc. cit.; al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 368.

<sup>112</sup> Al-Azdī (1967), op. cit., j. 2, h. 170.

<sup>113</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 145; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 200.

<sup>114</sup> Al-Ṭabarī (1939). loc. cit.

147H./764M.<sup>115</sup> Tanggungjawab mengawasi ‘Abd Allāh diserahkan oleh al-Manṣūr kepada ‘Īsā b. Mūsā sebelum beliau berangkat mengerjakan haji pada tahun tersebut (147H./764M.) Beberapa bulan sebelum itu, al-Manṣūr bertindak melantik anaknya al-Mahdī sebagai Putera Mahkota I dan ‘Īsā sebagai Putera Mahkota II.<sup>116</sup>

Di samping tanggungjawab mengawasi ‘Abd Allāh, al-Manṣūr juga mengarahkan ‘Īsā merancang pembunuhan politik ke atas bapa saudaranya, ‘Abd Allāh. ‘Īsā yang sedar permainan politik licik al-Manṣūr segera mengiyakan arahan beliau, tetapi tidak melaksanakan tuntutan untuk membunuhnya. Untuk meyakinkan al-Manṣūr yang sentiasa memantau perkembangan konspirasi ini, ‘Īsā memaklukkannya bahawa beliau (‘Īsā) telah membunuh ‘Abd Allāh.<sup>117</sup>

#### 3.7.4 Pemenjaraan dan Kematian ‘Abd Allāh

Sebaik sahaja pulang dari mengerjakan haji, al-Manṣūr segera bertanyakan khabar bapa saudaranya kepada ‘Īsā b. Mūsā. ‘Īsā menjawab bahawa beliau telah melaksanakan arahan Khalīfah supaya membunuhnya. Di sini berlaku pertikaman lidah di antara al-Manṣūr dengan Putera Mahkotanya. Namun keadaan menjadi reda setelah ‘Īsā menjelaskan perkara yang sebenarnya bahawa beliau tidak membunuh ‘Abd Allāh seperti yang diarahkan.<sup>118</sup>

<sup>115</sup> Al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 101.

<sup>116</sup> Ibid.

<sup>117</sup> Al-Jahsyiyārī (1981), op. cit., h. 130.

<sup>118</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 7, h. 207; Al-Jahsyiyārī (1981), loc. cit.

'Abd Allāh kemudiannya dibawa ke hadapan al-Manṣūr. Kewujudan 'Abd Allāh agak mengejutkan beliau. Apa tidaknya, sebelum ini beliau sememangnya menyakini bahawa 'Īsā telah melaksanakan arahnya. Al-Manṣūr yang tergamam seketika kemudiannya berkata kepada bapa saudaranya itu, "kami beruntung (kerana dilantik sebagai Khalīfah), tetapi kamu mencemburui kami serta berlaku zalim terhadap kami. Maka atas rasa kasihan belas dan menjaga hubungan kekeluargaan, kamu akan dipenjarakan dalam tempoh yang pendek agar kamu menyesal dan kembali sebagai seorang yang berdisiplin".<sup>119</sup>

Al-Manṣūr kemudiannya memerintahkan supaya 'Abd Allāh dibawa ke sel tahananannya di Ḥīrah dengan kawalan ketat pasukan keselamatan. Ibn 'Iyāsh melaporkan peristiwa ini dalam riwayatnya: "kemudian al-Manṣūr meninggalkan Hāsyimiyyah untuk menuju ke Ḥīrah. Bapa saudaranya, 'Abd Allāh, dibawa bersama-samanya tanpa sebarang ikatan sambil dikawal ketat oleh para pengawal. 'Abd Allāh kemudiannya ditahan di sebuah rumah yang dibina khas untuknya oleh al-Manṣūr. 'Abd Allāh akhirnya mati ketika berada dalam tahanan al-Mansur.<sup>120</sup>

Terdapat riwayat yang mengatakan bahawa 'Abd Allāh mati dalam tahanan al-Manṣūr kerana diracun. Sementara riwayat al-Haytham mengatakan bahawa 'Abd Allāh meninggal dunia setelah ditimpa runtuh sel tahanan yang dibina khas untuknya".<sup>121</sup> Peristiwa ini berlaku pada tahun 149H/766M.<sup>122</sup> Samada 'Abd Allāh

---

<sup>119</sup> Ibn. Qutaybah (1907), op. cit., j. 2, h. 152.

<sup>120</sup> Ibid.

<sup>121</sup> Ibid., j. 2, h. 168.

<sup>122</sup> Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 63, 104.

mati kerana diracun atau ditimpa runtuhannya, <sup>123</sup> namun apa yang pasti kematian beliau berlaku sewaktu beliau dipenjarakan di bawah pengawasan langsung Khalifah al-Manşūr.

‘Abd Allāh telah menghabiskan masanya selama hampir sepuluh tahun dari tarikh beliau melarikan diri dari peperangan sehingga beliau mati dalam tahanan Abu Ja‘far al-Manşūr. <sup>124</sup> Dua tahun beliau tinggal di bawah perlindungan saudaranya Sulaymān b. ‘Alī di Baṣrah iaitu dari bulan Jumādā al-Akhīrah 137H/754M hingga tahun 139H / 756M. <sup>125</sup> Lapan tahun berikutnya beliau diletakkan di bawah pengawasan saudaranya ‘Īsā b. ‘Alī di Hāsyimiyyah atas arahan Khalifah al-Manşūr. <sup>126</sup> Setelah itu, atas arahan Khalifah al-Manşūr beliau diletakkan di bawah pengawasan Putera Mahkota II iaitu ‘Īsā b. Mūsā selama beberapa minggu. <sup>127</sup> ‘Abd Allāh akhirnya meninggal dunia beberapa minggu setelah berada dalam tahanan yang diawasi secara langsung oleh al-Manşūr. <sup>128</sup>

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di antara al-Manşūr dan bapa saudaranya ini menunjukkan betapa al-Manşūr langsung tidak mpedulikan perjanjian damai yang dipersetujuinya sebelum ini. Tindakan ini adalah sebahagian dari siri

---

<sup>123</sup> Laporan ahli-ahli sejarah mengatakan bahawa asas (*foundation*) penjara/ rumah khas yang dibina tersebut diperbuat dari ketulan-ketulan garam. Ketulan-ketulan tersebut menjadi larut setelah terkena aliran air yang dilepaskan atas arahan al-Manşūr atau setelah terkena hujan. Ini bersesuaian dengan keadaan geografi Hīrah yang banyak menerima hujan dan mempunyai banyak punca air. Apabila ketulan garam ini larut, berlakulah runtuhannya yang mengakibatkan kematian ‘Abd Allāh. Lihat Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 234, 235.

<sup>124</sup> Al-Mas‘ūdī (1364H), op. cit., j. 2, h. 244; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 97.

<sup>125</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 146.

<sup>126</sup> Ibid., j.6, h. 145.

<sup>127</sup> Ibid., j.6, h. 270; al-‘Imrānī (1975), op. cit., h. 63.

<sup>128</sup> A-Ṭabarī, loc. cit., h. 271; al-Dinawari (1907), op. cit., j. 2, h. 152; al-Azdi (1967), op. cit., j. 2, h. 170, 203.

tindakan-tindakan yang dilakukan secara langsung oleh beliau dalam usaha mengekang pemberontakan dan kekacauan yang berlaku semasa pemerintahannya.<sup>129</sup>

'Abd Allāh b. 'Alī meninggal dunia ketika berusia lima puluh dua tahun. Jenazah beliau disemadikan di perkuburan Bāb al-Syām, Baghdād. Beliau adalah orang pertama yang dimakamkan di perkuburan itu.<sup>130</sup>

### 3.7.5 Tekanan ke Atas Kaum keluarga 'Abd Allāh

Siri-siri pembalasan dendam al-Manşūr terhadap 'Abd Allāh tidak terhenti sekalipun bapa saudaranya itu telah berada dalam tahananannya, malah beliau juga mengenakan tekanan terhadap keturunan 'Abd Allāh dan juga individu yang dilihat menyokongnya.

Kesinambungan tindakan al-Manşūr terbukti apabila beliau bertindak memaksa anak 'Abd Allāh yang bernama Muḥammad agar menceraikan isterinya, Rā'īṭah binti Abu al-'Abbās. Al-Manşūr kemudian mengahwinkan Rā'īṭah dengan anaknya, al-Mahdī yang juga rakan sebaya kepada Muḥammad, bekas suami Rā'īṭah.<sup>131</sup> Peristiwa yang berlaku pada tahun 144H/ 761M ini tentulah bermotifkan penghinaan terhadap 'Abd Allāh yang sedang dipenjarakan.

<sup>129</sup> Aḥmad Farīd Rifā'ī (1928), op. cit., j. 1, h. 96, 97.

<sup>130</sup> Ibn al-Athīr (t.t.) loc. cit.

<sup>131</sup> Ibn Ḥazm (1948), op. cit., h. 19-21.

Pemecatan Sulaymān b. ‘Alī dari jawatan Gabenor Baṣrah juga adalah sebahagian dari siri tekanan ke atas kaum keluarga yang menyokongnya. Kengganannya menyerahkan ‘Abd Allāh kepada al-Manṣūr setelah beliau dihendaki berbuat demikian pada tahun 137H./756M. menjadi punca beliau disingkirkan dari jawatannya ini. Sulaymān pastinya memahami *siasah* al-Manṣūr dalam hal ini.<sup>132</sup>

### 3.7.6 Pembunuhan Ibn Al-Muqaffa’

Ahli-ahli Sejarah juga mengaitkan pembunuhan ‘Abd Allāh b. al-Muqaffa’ dengan peristiwa pemberontakan ‘Abd Allāh b. ‘Alī.<sup>133</sup> Kaitannya amat jelas kerana Ibn al-Muqaffa’ adalah individu yang bertanggungjawab secara langsung dalam penulisan surat perjanjian di antara al-Mansur dan ‘Abd Allāh b. ‘Alī. Surat yang berupa jaminan keselamatan terhadap bapa saudaranya itu penuh dengan ungkapan-ungkapan berat serta syarat-syarat ketat yang terpaksa dipatuhi oleh al-Manṣūr.<sup>134</sup>

Syarat-syarat ketat ini merupakan penghalang utama kepada al-Manṣūr bagi merealisasikan perancangan penghapusan ‘Abd Allāh secara segera. Kerana itu konspirasi pembunuhan politik ini mengambil masa yang lama. Adalah jelas pada

---

<sup>132</sup> Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 142.

<sup>133</sup> Al-Ya’qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 368 ; Ibn al-Nadīm (t.t.), op. cit., h. 172, 182, 183 ; Ibn Khallikān (t.t.), op. cit., j. 4, h. 353 ; al-Sakhāwī, al-Ḥāfiẓ Muḥammad b. ‘Abd al-Raḥmān (1979), *al-I’lān bi al-Tawbikh li Man Zamma al-Tārīkh*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Arabī, h. 155.

<sup>134</sup> Lihat lampiran.

pandangan al-Manṣūr bahwa Ibn. al-Muqaffa' bertanggungjawab sepenuhnya atas apa yang ditulisnya.

Siri-siri tindakan ini adalah sebahagian dari manifestasi *siasah licik* al-Mansur dalam mempertahankan hegemoni politiknya. Tindakan-tindakan ini jelas membuktikan kerakusan beliau dalam mempertahankan kuasanya dan dalam masa yang sama memastikan kekuasaan terus dimonopoli oleh anak-anaknya. Penghormatan terhadap kesucian perjanjian dan hubungan kekeluargaan langsung tidak mendapat tempat di hati al-Manṣūr dalam tindakan-tindakan tersebut.

Al-Syekh al-Khudārī memberikan ulasan yang baik terhadap tindak tanduk kedua-dua tokoh terbabit dengan katanya:<sup>135</sup>

*"Demikianlah berakhirnya kehidupan seorang pahlawan ('Abd Allāh) yang telah banyak menyumbang jasa dan khidmatnya dalam era penubuhan daulah 'Abbāsiyyah. Ditangannyalah berlaku banyak tragedi yang keji dan buruk dalam usahanya menghapuskan saki baki pendokong Banī Umayyah. Kita tidak merasa segan untuk melahirkan kekesalan dan kebencian terhadap pendekatan yang diambil oleh mereka yang terbabit demi memenuhi impian politik mereka, tanpa memedulikan kesan buruk yang bakal menimpa ummah keseluruhannya. Khalifah al-Manṣūr dilihat mempermainkan perjanjian keselamatan yang diberikan kepada bapa saudaranya, 'Abd Allāh b. 'Ali. Sebelum ini beliau juga telah melakukan pengkhianatan terhadap perjanjiannya dengan Ibn. Hubayrah dan Abū Muslim al-Khurāsānī. Kita juga tidak merasa segan untuk mengatakan bahawa 'Abd Allāh telah mengakhiri hidupnya secara yang tidak terhormat apabila beliau melarikan diri dari peperangan. Orang yang mengejar kebesaran dan kemegahan sepatutnya sanggup mati demi mencapai impian mereka tanpa memperdulikan halangan-halangan yang ada di hadapannya. 'Abd Allāh telah melakukan kesilapan besar yang mencemarkan*

---

<sup>135</sup> Al-Syekh al-Khudārī (1970), op. cit., j. 3, h. 56.

*kemuliaan, keberanian dan kepahlawanan Banī Hāsyim di medan tempur. Keturunan Banī Hāsyim tidak dapat menerima tindakan melarikan diri dari peperangan, seseorang mesti menerima hakikat samada menang atau mati dalam peperangan”.*